

TUAN GURU HJ.ABDUL HAMID ULAMA` FATHONI YANG TIDAK JEMU MEMBERI KHIDMAT ILMU KEPADA MASYARAKAT

Dr.Azmin bin Yusof

azmin@kuis.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abtrak

Seorang tokoh agama atau seorang alim merupakan cahaya yang sentiasa menerangi kegelapan umat. Jika ia terjatuh dalam api pun seolah tidak terbakar begitu juga jika terjatuh di dalam laut seolah mejadi pulau. Ia juga mempunyai kelebihan dan kedudukan yang mulia di sisi Allah s.w.t. berbanding dengan yang lain seumpama kelebihan bulan purnama di atas seluruh bintang-bintang. Kertas kerja ini ingin melihat latarbelakang Tuan Guru Hj. Abdul Hamid terutama pengenalannya, personalitinya, khidmatnya kepada masyarakat dan cabarannya serta keluarganya. Metodologi kajian ini ialah metod explore information mengenai Tuan Guru Hj.Abdul Hamid dan melakukan interview mereka yang mengenali dan mengetahui mengenainya. Dapatan kajian ididapati Tuan Guru Hj. Abdul Hamid seorang tokoh yang sangat berkorban hidupnya untuk masyarakat. Beliau tidak pernah jemu dan tidak merasa penat dari khidmat masyarakat. Justeru, beliau seorang yang sangat disegani oleh masyaraka terutama masyarakat bukan Islam.

Pendahuluan

Antara ulama' Fathoni yang banyak berkhidmat masyarakat melalui ilmunya hingga masyarakat terlepas dari kejahilan dan menjadi komuniti yang suka kepada ilmu pengetahuan ialah Tuan guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee . Kertas kerja ini akan menerangkan mengenai latarbelakang Tuan Guru Hj. Abdul Hamid terutama pengenalannya, personalitinya, khidmatnya kepada masyarakat dan keluarganya.

1-Latarbelakang Tuan Guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee

Tuan guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee dilahirkan di kampong Kubang Pak Amin,jajahan Pasir Mas pada tahun 1924 M. Beliau mempunyai empat saudara,iaitu dua saudara seibu sebapa dan dua saudara sebapa berlainan ibu. Beliau anak pertama bagi pasangan ayah dan ibunya Hj.Umar bin Umar dan Fatimah binti Awang.

Tuan guru Hj. Abdul Hamid mula mendapat pendidikan awal dari pondok batu tiga,Repek,Pasir Mas bersama tuan guru Hj.Ahmad kira-kira pada tahun 1938M.Sewaktu belajar di pondok tersebut beliau tekun berulang alik masa cuti untuk belajar kelas tambahan bersama bapa saudaranya Tuan Guru Hj.Yunus di pondok Kubang Pak Amin, Tal Tujuh, Pasir Mas hingga akhirnya dijodohkan beliau dengan anak perempuan Tuan Guru Hj.Yunus ini.

Tuan guru Hj.Abdul Hamid an-Nashihee bukan sahaja seorang yang tekun menghadapi pelajaran malah rajin dalam melaksanakan ibadah meskipun perkara itu tergolong dari fadha'il`Aamal atau amalan-amalan sunat,terutama bangun waktu malam untuk solat Tahajjud ,bersalawat,berzikir serta berdoa di samping menghayati dan beristiqamah terhadap amalan yang mempunyai khusiati tertentu semenjak zaman remaja lagi. Beliau termasuk seorang murid yang dipuji dan disayangi oleh tuan gurunya. Beliau sangat rajin belajar,lebih lagi di bidang fiqh yang beliau minatnya. Namun,oleh kerana beliau dari keluarga yang susah dan tidak berpendapatan,maka terpaksa berhenti belajar di pondok tersebut mengikut bapa dan keluarganya hijrah ke Fathoni,selatan Thailand untuk mencari pendapatan untuk menyara hidup.

Oleh kerana semangat cinta kepada ilmu, maka di Fathoni tuan guru Hj. Abdul Hamid juga tidak melepas peluang untuk menuntut ilmu di pondok kampung Dala, Fathoni selama 20 tahun bersama dengan Tuan Guru Hj. Ab Rahman Arsyadi, di pondok ini beliau mula belajar pelajaran-pelajaran yang diminatinya dengan memberi penekanan asas terhadap fiqh terutama kitab " al-I'qna` fi Hal Li Alfaz Abi Syuja` ", " fathul Qarib", " Fathul Wahab", " Fathul Mu`in", "Mughnil Muhtaj" dan lain-lain lagi.

Tuan guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee terkenal dengan nama "Tok Go Heng atau Tok Namba". Ini kerana pondok yang diasaskan itu terletak di atas suatu banggol yang mempunyai pokok Goheng dan kampung yang didiami itu digelar kampung "Namba" yang terletak di jajahan Penarik, Fathoni, Thailand¹.

Allah Yarham tuan guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee telah kembali ke rahmatullah pada pagi hari Selasa, jam 01.05 pagi, tanggal 09 Muharram 1419H bersamaan 05 May 1998M di kampung Padang Pusu Putih, Nat Padang, Saiburi di mana lokasi baru beliau mengasaskan pondoknya yang kedua.

1- Personaliti Tuan guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee

Tuan guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee dikenali sebagai seorang tokoh agama yang sangat aktif, dihormati dan digeruni di selatan Thailand terutama di Wilayah Fathoni. Namanya cukup akrab di kalangan masyarakat dan sifatnya pendiam. Ada diceritakan bahawa sesuatu kekuatan yang luar biasa yang terdapat pada diri beliau ialah karamah, murah hati dan kesediaan melayani kerendah masyarakat serta beriltizam mengamalkan amalan dalam mendekati diri kepada Allah s.w.t. Justeru, beliau selalu bertapa atau berkhulwat di tempat yang disediakan pada waktu cuti mengajar terutama dalam bulan Ramadhan. Beliau juga seorang yang warak selalu berjubah putih, diam banyak dari bercakap, tidak mengeluarkan kata-kata tidak baik terhadap sesiapa pun. Ini kerana beliau selain dari seorang yang jujur, baik hati serta tidak pandai memarahi orang, beliau juga dilahirkan dalam keadaan berhitam lidah, sehingga apa yang dilafazkan itu kebanyakan mebetuli kata-katanya. Beliau sentiasa membaca surah Yasin, al-Waqi`ah, dan al-Mulk pada tiap-tiap pagi dan petang lebih lagi di waktu hendak tidur sekalipun ketika berada dalam keuzuran yang serius.

Beliau telah dizahirkan beberapa kejadian yang luar biasa sehingga digeruni dan dikagumi oleh kebanyakan masyarakat. Berkaitan ini Al- Marhum Awang Bin Hj. Pakchu yang merupakan murid kepada tuan guru Hj. Abdul Hamid ada menceritakan mengenai tuan gurunya²: " Babo Goheng seorang tuan guru yang sangat berkat, mulut masin, apa yang dilafazkan menjadi, masyarakat sangat gerun dan takut dari beliau terutama orang-orang bukan Islam hingga satu biji buahan dari kebunnya tidak siapa yang berani mengambil, lebih-lebih lagi mereka yang berniat jahat terhadap tuan guru sering berlaku mudarat terhadap diri sendiri seperti cirit birit, sakit, gila atau tidak dapat keluar dari kawasan rumah tuan guru bila memasukinya".

Diceritakan bahawa ada satu pasukan tentera Kerajaan Thailand dari Bangkok diutus untuk mengawal keadaan di selatan Thailand, mereka mendirikan kem tenteranya berhampiran dengan pondok tuan guru Hj. Abdul Hamid ini. Askar-askar tersebut selalu melalui jalan yang berdekatan pondok beliau untuk membeli belah barang bekalan dari suatu pasar. Sewaktu melewati jalan itu askar-askar ini beraksi gelak ketawa, memujuk murid perempuan tuan guru pondok Goheng ini sehingga ada di kalangan askar ini nekad memasuki kawasan pondok perempuan, namun tidak sempat melakukan kejahatan apa-apa terhadap pelajar wanita kerana dihalau oleh orang yang melihat itu. Tidak lama kemudian, semua askar-askar di kem itu jadi gila tanpa sebab kecuali seorang kolonel atau ketua pasukan tentera itu sahaja. Justeru ketua ini hairan serta takut lalu menjumpai seorang tua di kampung itu untuk menanya tentang kejadian yang luar biasa ini. Seorang tua ini menyuruh kolonel ini menjumpai tuan guru dan memohon maaf jika anak askarnya ada melaku kesalahan terhadap tuan guru. Justeru itu, tuan guru menyuruh kolonel tersebut mengumpulkan askar-askar yang gila itu kemudian membawa dan memandikan mereka dengan air kolah surau tuan guru itu lalu semua askar yang gila itu pun sembuh seperti biasa. Kolonel ini merasa teruja dan amat kagum terhadap tuan guru ini lalu ia banyak mengucapkan terima kasih kepada

¹Tuan guru Hj. Abdul Hamid, 1998, Himpunan doa dan khushiat yang Ajai'b dari al-Qur'an al-Karim, Pattani, Saudara Press, P.1-5

² Hasil temubual dengan murid tuan guru iaitu Awang bin Hj. Pakchu pada 1998M.

tuan guru ini seraya berkata: " Tidak perlu kami datang mengawal kawasan ini lagi cukup dengan tuan sahajalah, kekuatan bersenjata lengkap yang ada pada kami ini mampu diatasi oleh tuan melalui kekuatan halus tetapi sangat menakut dan berbahaya".

2-Khidmat masyarakat

Setelah tuan guru Hj. Abdul Hamid an-Nashihee telah diijazahkan oleh tuan gurunya untuk mengajar. Beliau dapat tawaran untuk mengasaskan pondok di kampung Namba, Penarik, Pattani. Kampung Namba pada masa itu dipenuhi dengan kejahatan dan munkar seperti bunuh membunuh, berzina, pencolekkan, minum arak dan sebagainya. Beliau mulai khidmat masyarakat kampung Namba kira-kira pada tahun 1950M, iaitu dengan membina sebuah surau dan rumah kecil beratap Rambia dengan bertirisan di waktu hujan. Beliau mula mengajar kitab " Faridatul Fara'id " , " Mунyah al-Mushalli" dan beberapa buah kitab yang lain di surau beliau sebagai langkah pertama untuk berdakwah atau penyebaran pengetahuan agama dan sekaligus untuk memindahkan suasana masyarakat dari kejahilan atau zalim kepada kebaikan dan kedamaian. Selain dari itu beliau juga memberi ceramah agama di surau-suarau atau masjid – masjid di kampung berdekatan. Oleh kerana beliau sangat giat dalam penyebaran ilmu agama terhadap masyarakat yang selalu berada dalam kejahilan dan semata-mata memikirkan kuasa dan materialistik hingga beliau digelar dengan "an-Nashihee " oleh cendekiawan agama pada masa itu.

Walaubagaimanapun, tuan guru Hj. Abdul Hamid telah menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam memperbaiki suasana di kampung tersebut. Dugaan dan ujian ini lahir dari penduduk kampung itu sendiri di satu pihak dan dari kerajaan pada pihak yang lain. Penduduk kampung yang enggan dan tidak mahu menerima seruan agama dari tuan guru itu selalu mencari helah serta mengadakan pelbagai reaksi kejahatan terhadapnya terutama mengejek terhadap apa yang disuruh dan dilarang oleh beliau. Dalam erti kata lain apa sahaja yang disuruh oleh agama melalui beliau mereka menentangnya dengan sombong dan degil. Sementara ujian dari kerajaan pula ialah disyakki dan dituduh beliau menjadi pemberontak atau pejuang untuk membebaskan Negara Fathoni yang dijajah oleh pemerintah Thailand itu. Kepada beliau diutuskan beberapa mata gelap kerajaan, polis dan tenterannya. Namun dengan niat baik beliau serta tulus hatinya sehingga masalah tersebut sedikit sebanyak dapat diatasi dengan baik. Lebih-lebih lagi tuan guru itu sendiri mempunyai kekuatan roh batin dan ilmu-ilmu hikmah dan ajaib yang mampu mengalahkan orang lain serta menakutinya terutama orang-orang yang beragama asing.

2- Keluarga

Tuan guru Hj. Abdul Hamid an Nashihee bin Hj. Omar telah berkahwin dengan Hj. Fatimah binti Hj. Yunus sepupunya kira-kira pada tahun 1952M. Pada waktu perkahwinan itu berlaku isterinya baru berusia 15 tahun. Daripada perkahwinan ini beliau dikurniakan Sembilan orang anak iaitu 4 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Namun anak-anak beliau yang masih hidup hingga sekarang hanya empat orang sahaja.

Kesimpulan

Tuan guru Hj. Abdul Hamid an Nashihee merupakan seorang tokoh yang sentiasa berkhidmat masyarakat ke arah kebaikan sepanjang hayatnya. Khidmat beliau kepada masyarakat bukan sahaja dari segi ilmu sahaja malah raga tenaganya digembling demi kesejahteraan umat di zaman itu. Beliau seorang ulama' yang banyak berjasa kepada masyarakat di bumi Fathoni. Wallahu 'Aala Wa Aa'lam.

Rujukan

Tuan guru Hj. Abdul Hamid, 1998, Himpunan doa dan khushiat yang Ajai'b dari al-Qur'an al-Karim, Pattani, Saudara Press, P.1-5
Hasil temubual dengan murid tuan guru iaitu Awang bin Hj. Pakchu pada 1998M.